

UMS terajui pengkomersilan produk teknologi nano

NST 21.7.13 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melangkah setapak lagi melalui pengukuhan jalinan kerjasama dengan Tokyo Institute of Technology (TITEC) bagi pengkomersilan projek usaha sama penyelidikan dalam bidang teknologi nano khusus dalam penghasilan gentian nano dan gentian nano membran.

Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah mengetuai rombongan ke Tokyo bagi membincangkan kerjasama dalam bidang pengkomersilan teknologi berkenaan manakala TITEC diwakili Eksekutif Naib Presiden, Profesor Kiyoshi Okada.

Hasilnya, UMS bakal dijadikan sebagai tapak kajian pengkomersilan manakala syarikat berasaskan minyak dan gas di Malaysia akan menjadi rakan kerjasama.

Produk gentian nano akan digunakan sebagai bahan penyerap tumpahan minyak dalam industri minyak dan gas, manakala gentian nano membran akan digunakan dalam penyulingan air laut dan sisa air buangan industri bagi menghasilkan air bersih.

Menurut fakta kajian yang dijalankan oleh UMS dan TITEC, gentian nano mampu



LAWATAN ... Rombongan UMS yang diketuai oleh Naib Canselornya, Datuk Dr. Mohd Harun (tiga kanan) bergambar bersama Eksekutif Naib Presiden TITEC, Profesor Kiyoshi Okada (tiga dari kiri).

menyerap sehingga 50 gram minyak bagi setiap gram gentian dalam tempoh kurang dari 30 saat. Sistem yang direka bentuk juga dijangka mampu membersihkan tumpahan minyak pada kadar 1 ton minyak dalam tempoh sejam.

Teknologi yang direka bentuk merupakan yang pertama seumpamanya di dunia diperkenalkan kepada industri minyak dan gas. Teknologi gentian nano dijangka bakal

mempercepat proses pembersihan tumpahan minyak yang akan menyelamatkan banyak hidupan semula jadi serta dapat menyelesaikan masalah pembersihan tumpahan semasa gelombang ombak yang kuat.

Penggunaan gentian nano membran dalam penyulingan air laut pula dijangka mampu menjimatkan penggunaan tenaga lebih daripada 50% berbanding sistem osmosis

berbalik serta dapat mengurangkan masalah membran tersumbat.

Turut hadir pada perbincangan itu, Pendaftar UMS; Datuk Abdullah Mohd Said, Dekan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM) merangkap pakar dan penyelidik utama teknologi nano, Ir. Profesor Madya Dr. Rosalam Sarbatly dan Pensyarah Kanan SKTM, Dr. Mohd Kamil Wan Ibrahim.